

Formula perpaduan kita menjadi rujukan

UM 20 AUG 2005

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

PULAU PINANG 19 Ogos – Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin formula perpaduan kaum di Malaysia akan menjadi rujukan negara-negara maju dalam tempoh 50 tahun akan datang bagi menangani masalah yang ditimbulkan ekoran kepelbagaian kaum di negara mereka.

Ini kerana, kata bekas Perdana Menteri itu, dalam tempoh tersebut, sempadan negara tidak lagi menjadi halangan kepada perpindahan manusia terutama dari negara membangun ke negara maju atas faktor mengejar kekayaan ekonomi, sekali gus menjadikan kesemua negara itu mempunyai penduduk berbilang kaum.

Menurutnya, apabila perkara itu berlaku, negara-negara maju juga akan berhadapan dengan masalah yang timbul akibat kepelbagaian kaum seperti yang dihadapi oleh Malaysia sekarang.

Pada masa itu, katanya, baru mereka tahu bagaimana susahnya mentadbir negara yang mempunyai rakyat daripada berbilang kaum yang tidak mahu diasimilasikan dan tidak mahu hidup secara berasingan.

“Saya kurang yakin mereka (negara maju) dapat menangani masalah yang kita ada sekarang (berbilang kaum) kerana bila mereka diserang masalah itu, tindakan mereka lebih ganas daripada kita.

“Mereka tuduh kita menahan orang yang menimbulkan masalah kepada negara tetapi apabila mereka diserang golongan yang mereka labelkan penganas, mereka tidak segan-segan masukkan dia dalam penjara dan menyeksa golongan itu tanpa melalui proses undang-undang.

“Justeru, saya yakin bila mereka hadapi masalah penduduk berbilang kaum, mereka akan datang ke Malaysia untuk panduan kerana kita lebih arif daripada mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Perdana Perpaduan anjuran kerajaan negeri dan Majlis Perundingan Muhibah Pulau Pinang di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, daripada pengamatannya sebagai ketua negara sebelum ini, formula perpaduan di Malaysia adalah yang terbaik dan paling berkesan

setakat ini kerana tidak timbul sebarang pertelingkahan kaum walaupun berbeza bangsa, agama dan bahasa.

Jadi, beliau meminta rakyat Malaysia agar berusaha mengekalkan keadaan itu, jika tidak negara juga akan menghadapi kemelut perkauman yang bakal dirasai oleh negara-negara lain.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, ketika ditanya oleh negara luar, beliau sering menegaskan bahawa faktor kejayaan Malaysia mengekalkan perpaduan adalah kerana rakyatnya merupakan bangsa yang rasional, matang berpolitik, memahami amalan demokrasi dengan tidak keterlaluan dalam melakukan sebarang tindakan.

Bagaimanapun, menurutnya, paling penting ialah kerajaan Malaysia berjaya mencipta pendekatan sendiri dalam membangunkan ekonomi negara dan tidak tunduk di bawah telunjuk orang lain secara melulu sehingga berjaya menangkis serangan pihak lain yang cuba menjatuhkannya.

Sebagai contoh, menurutnya, semasa serangan penyangak ke atas ringgit pada 1997, Malaysia menolak bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, sebaliknya memilih cara sendiri iaitu tambatan ringgit yang terbukti berjaya memulihkan ekonomi negara.

Selain itu, katanya, kestabilan politik hasil gabungan 14 parti komponen dalam Barisan Nasional (BN) yang membentuk kerajaan turut berjaya menarik pelabur asing sekali gus mencipta peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyatnya.

Menurutnya, gabungan tersebut amat dikagumi negara luar kerana di kebanyakan negara, parti campuran yang terdiri daripada dua buah parti sahaja bagi membentuk kerajaan sukar untuk bertahan begitu lama.

“Parti yang kecil sentiasa mengugut untuk menarik diri daripada gabungan itu menyebabkan parti yang besar terpaksa mengikut kehendak mereka kerana jika ia keluar daripada gabungan maka kerajaan akan runtuh,” ujarnya.

Di Malaysia, beliau memberitahu, perkara itu tidak berlaku kerana jika mana-mana parti komponen BN meninggalkan gabungan itu, ia tidak akan memberi kesan kepada kerajaan memerintah.

“Oleh itu, parti-parti gabungan ini akan sentiasa menjaga kelakuan dan tanduk mereka,” ujarnya lagi.